

# Pohon Pisang

Oleh **UTHAYA SANKAR SB**

**D**ALAM kehidupan seharian masyarakat India, pohon pisang mendapat tempat yang istimewa. Pohon berkenaan berguna semasa upacara yang menggembarakan (misalnya perkahwinan) mahupun semasa upacara yang menyedihkan (misalnya kematian).

Apabila pasangan mendirikan rumah tangga, generasi tua kaum India selalunya akan merestui mereka supaya hidup beranak pinak seperti pohon pisang. Perbandingan seumpama ini digunakan kerana pohon pisang memang subur dan mampu "melahirkan zuriat" secara produktif dan berterusan.

Pada majlis perkahwinan kaum India, sepasang pohon pisang subur yang ditempatkan di pintu masuk ke tempat upacara adalah suatu kemestian. Pohon pisang yang dipilih pula mestilah yang sedang berbuah dan masih ada jantung pisang.

Sebaik sahaja melihat sepasang pohon pisang diletakkan menegak (sebenarnya diikat ke tiang atau kayu), maka orang ramai akan sedia maklum bahawa suatu majlis atau upacara yang menggembarakan sedang berlangsung.

Pohon pisang itu akan dipasang bebe-

---

**Pohon pisang diikat di pintu masuk dalam upacara perkahwinan, tetapi diikat pada empat penjuru lori mayat apabila ada kematian.**

---

rapa hari sebelum majlis perkahwinan dan biasanya dibiarkan menghiasi tempat berkenaan selama beberapa hari. Sekiranya pohon pisang tersebut tumbang (akibat angin kencang atau kerana tidak diikat dengan baik, misalnya) maka generasi tua beranggapan kejadian itu membawa alamat buruk.

Walaupun generasi muda kaum India dikatakan semakin berfikiran moden dan tidak mahu terpengaruh dengan amalan

dan budaya tradisional, kepercayaan dan pantang larang berkaitan pohon pisang terus menjadi ikutan.

Apabila makanan hendak dihidangkan menggunakan daun pisang, air perlu direnjis dahulu pada daun berkenaan. Kemudian barulah makanan diletakkan padanya. Secara mudah, perbuatan merenjis air ini adalah bertujuan membersihkan daun pisang yang berperanan sebagai pinggan untuk makan.

Selesai makan, individu yang makan tadi perlu tahu pantang larang berhubung cara daun pisang itu harus dilipat. Sekiranya daun pisang dilipat dari atas ke bawah, maknanya individu berkenaan berasa puas dengan hidangan yang dinikmatinya. Dia juga menghantar isyarat kepada tuan rumah bahawa dia ingin supaya dijemput lagi untuk menikmati hidangan.

Sekiranya daun pisang dilipat dengan cara bahagian bawah (bahagian yang dekat dengan individu yang sedang makan) dilipat ke atas, isyarat yang dihantar adalah makanan yang dihidangkan tidak enak dan kita tidak berkeinginan untuk berkunjung semula untuk dihidangkan makanan seperti itu.

Sebenarnya, perbuatan melipat daun

pisang dengan cara yang baru dihuraikan tadi bukan kerana kita benar-benar tidak menyukai makanan yang dihidangkan. Sebaliknya, ada makna tersembunyi dalam budaya kaum India. Budaya ini wajar diketahui oleh semua.

Daun pisang dilipat dari atas ke bawah apabila menikmati hidangan pada majlis dan upacara yang menggembirakan. Misalnya perayaan di kuil dan majlis perkahwinan. Dengan cara melipat daun pisang dari atas ke bawah, kita menghantar isyarat “mahu lagi” serta melahirkan hasrat di hati untuk menghadiri majlis seperti itu pada masa hadapan.

Apabila dihidangkan makanan pada majlis yang mendukacitakan (misalnya, kematian), maka daun pisang dilipat dari bawah ke atas sebagai tanda bahawa kita turut bersedih atas kematian itu dan berharap peristiwa sedih seperti itu tidak akan berulang dalam keluarga terbabit.

Pohon pisang turut digunakan apabila ada kematian dalam keluarga kaum India; khususnya yang beragama Hindu. Pada majlis perkahwinan dan upacara perayaan, pohon pisang dipasang (diikat) di pintu masuk sebagai menyambut tetamu undangan.

Sebaliknya, apabila ada kematian, pohon pisang tidak akan dipasang dengan cara itu. Pohon pisang harus diikat pada empat penjuru kenderaan yang membawa keranda dari rumah ke kubur.

Pohon pisang turut mempunyai peranan utama dalam membuang sial bagi pasangan yang bakal mendirikan rumah tangga. Kaum India pada dasarnya terus berpegang teguh pada tilik dan rasi; khususnya dalam soal perkahwinan yang dianggap “tuaian 1000 tahun”.

Katakanlah, mengikut tilikan, seorang pemuda didapati akan beristeri dua. Perlu diingat bahawa dalam konsep perkahwinan kaum India-Hindu, monogami menjadi pegangan. Secara tradisi, isteri kedua hanya diambil jika isteri pertama meninggal dunia.

Memanglah amalan monogami yang dinyatakan di atas boleh dipertikaikan pada masa kini. Apatah lagi dengan adanya konsep bercerai yang sah di sisi undang-undang. Namun begitu, generasi muda kaum India masih percaya pada tilik dan rasi dalam soal perkahwinan.

Apabila seorang pemuda dirasakan



Perkahwinan Hindu: Tetamu disambut dengan pohon pisang.

akan beristeri dua, maka suatu upacara perkahwinan khas akan diatur. Si pemuda akan berpakaian lengkap seperti pengantin. Bezanya, tempat pengantin wanita akan diganti dengan pohon pisang!

Pengantin lelaki akan mengikat *taali* ke “leher” pohon pisang tadi yang diibaratkan sebagai pengantin wanita. Maka sempurnalah majlis perkahwinan pertama bagi pemuda berkenaan.

Sejurus selepas itu, sami yang menyempurnakan upacara perkahwinan itu tadi akan mencantas pohon pisang berkenaan dengan parang. Maka “mati”lah isteri pertama pemuda berkenaan.

Selepas itu, akan diadakan upacara perkahwinan antara pemuda tadi (yang sudah menjadi “duda”) dengan pengantin wanita yang sebenar. Wanita ini dianggap sebagai isteri kedua kepada pemuda berkenaan.

Memandangkan tilikan dan rasi menyebut bahawa pemuda terbabit akan ada dua isteri, “isteri baru” itu tidak perlu risau kerana “isteri pertama” (pohon pisang) sudah “mati”. Maka, mengikut kepercayaan kaum India, tidak akan timbul soal pemuda itu menduakan isterinya.

Sejak dahulu, daun pisang merupakan “pinggan” dalam budaya kaum India. Makanan panas yang dihidangkan di atas daun pisang akan mengeluarkan aroma semula jadi yang sedap dihidu. Masyarakat Melayu turut berkongsi amalan ini

dalam kehidupan seharian.

Dari sudut yang lain, penggunaan daun pisang juga menjamin kebersihan “pinggan” yang digunakan untuk makan. Daun pisang mudah diperolehi, mudah digunakan dan mudah juga dibuang.

Secara tradisi, amalan penggunaan daun pisang sebagai “pinggan” juga berkait rapat dengan sistem masyarakat di Benua Kecil India. Wujud sistem kasta serta pembahagian anggota masyarakat mengikut status.

Orang yang berada pada status tinggi tidak sanggup berkongsi perkakas dan peralatan dengan golongan lebih rendah. Jalan keluar terbaik adalah dengan cara menggunakan daun pisang sebagai “pinggan”. Konsepnya lebih kurang seperti pinggan pakai-buang yang sudah menjadi budaya kita pada masa kini.

Penggunaan daun pisang sebagai “pinggan” masih menjadi amalan. Malah, banyak juga restoran yang meletakkan daun pisang di atas pinggan sebelum menghidangkan nasi. Restoran makanan daun pisang juga terus menjadi pilihan masyarakat pelbagai kaum di negara kita.

Apa yang pasti, pohon pisang mempunyai makna dan signifikan dalam kehidupan kaum India. Makna-makna ini sudah mula pula dikongsi bersama oleh masyarakat pelbagai kaum melalui proses asimilasi. Semua ini turut menyumbang ke arah persefahaman antara budaya. db